

Orang Asli Seletar terbela

Kerajaan pastikan projek pembangunan beri kesan ekonomi di pedalaman

Oleh Mahani Ishak

bhjb@bharian.com.my

JOHOR BAHRU: Masyarakat Orang Asli Seletar di negeri ini tidak pernah dipinggirkan dan sentiasa diberi perhatian menerusi pelbagai usaha agensi berkaitan bagi memberi tunjuk ajar dan bimbingan berterusan dalam usaha meningkatkan taraf ekonomi mereka.

Malah, kerajaan negeri juga sentiasa mengambil berat kebajikan Orang Asli supaya mereka mampu membangun seiring kepesatan ekonomi setempat selain diberi peluang bekerja dalam pelbagai sektor terutama di Iskandar Malaysia.

Yang Dipertua Badan Amal Tenaga Isteri Wakil-Wakil Rakyat Negeri Johor (JUITA), Profesor Datin Paduka Dr Jamilah Ariffin, berkata kepentingan masyarakat itu tidak pernah diabaikan dan kerajaan sentiasa peka terhadap masalah yang dihadapi mereka.

“Kerajaan juga memberi bantuan bot bagi membolehkan nelayan tradisional ini mengusahakan tangkapan ikan laut dalam selain mahu mereka meneruskan kehidupan lebih baik dan mempunyai pendapatan tetap.

“Kita tahu ada pihak cuba mempengaruhi Orang Asli dengan mendakwa kepentingan mereka dipinggirkan akibat pembangunan yang rancak dijalankan di wilayah ini

hingga menimbulkan rasa kurang senang di sesetengah tempat,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Program Gaya Hidup Sihat Orang Asli Seletar di Taman Merdeka, dekat sini, bersama kira-kira 280 Orang Asli dari Kampung Sungai Temon, Kampung Simpang Arang dan Kampung Bakar Baru.



Kerajaan juga memberi bantuan bot bagi membolehkan nelayan tradisional ini mengusahakan tangkapan ikan laut dalam selain mahu mereka meneruskan kehidupan lebih baik dan mempunyai pendapatan tetap

Jamilah Ariffin

Yang Dipertua Badan Amal
Tenaga Isteri Wakil-Wakil Rakyat
Negeri Johor

Turut hadir Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Nusajaya, Datuk Abdul Aziz Sopian, ADUN Pengkalan Rinting, Chia Song Cheng, Pengerusi Yayasan MyKasih, Ngau Boon Keat dan Ketua Pegawai Eksekutifnya,

Jeffrey Perera.

Jamilah berkata, program itu adalah sebahagian daripada projek JUITA Ku Sayang Kelima yang menumpukan pemeriksaan kesihatan, kegiatan kebudayaan kanak-kanak, J-Robik dan pameran produk hasil kraf tangan Orang Asli dan ibu tunggal.

“Program ini mengetengahkan amalan gaya hidup sihat dan diberikan bimbingan untuk menjalankan pemeriksaan kesihatan secara berkala supaya masyarakat tahu kaedah pencegahan awal penyakit kronik yang menjadi pembunuh utama pada masa kini.

“Selain itu, kita mengadakan pelbagai usaha bagi menarik Orang Asli menyesuaikan diri dan menjalankan kehidupan moden seperti memberi tunjuk mendalami kemahiran dalam bidang masakan, jahitan, pertanian dan refleksiologi,” katanya.

Sementara itu, Yayasan MyKasih menyalurkan sumbangan RM100,000 bagi membantu keluarga miskin di kalangan masyarakat Orang Asli dengan pemberian bantuan kebajikan berjumlah RM80 sebulan bagi membeli keperluan asas menggunakan MyKad di Pasar Raya Besar Giant Tampoi.



JAMILAH (kanan) menyampaikan sumbangan kepada ketua isi rumah masyarakat Orang Asli di Taman Merdeka, Johor Bahru.